

Hindari kucing dengan ONOCAT

Bau dibenci kucing hasil kombinasi bahan buangan tumbuhan


Oleh Azman Zakaria
bhvarsiti@bh.com.my

Serdang: Sering kali kehadiran kucing yang berkeliaran di kedai makan mendatangkan rasa kurang selesa segelintir pengunjung terutama mereka yang mempunyai masalah faktor fizikal dan psikologi.

Faktor fizikal lebih terarah kepada mereka yang berdepan alahan seperti asma, alergi atau penyakit kulit manakala faktor psikologi membabitkan golongan fobia kucing sehingga boleh menjerit ketakutan walaupun haiwan itu hanya melalui sisi mereka.

Menyedari situasi itu yang boleh dielak, sekumpulan penyelidik daripada Jabatan Reka Bentuk dan Perindustrian, Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan inovasi dinamakan ONOCAT untuk membolehkan pemakainya menghindari gangguan kucing.

Ketua penyelidik yang juga penyarah Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina (FRSB), Dr Siti Mastura Md Ishak, berkata ONOCAT direka secara set bersama-sama inovasi bahan terbiodegradasi daripada sumber semula



Dr Siti Mastura menunjukkan produk inovasi ONOCAT yang dicipta bersama-sama ahli penyelidik lain.

jadi yang mengeluarkan bau unik yang tidak disukai kucing.

Katanya, bahan biodegradasi ONOCAT sebagai penghindar itu dihasilkan melalui kombinasi bahan buangan daripada tumbuhan tempatan yang sedang dalam peringkat akhir kajian kumpulannya.

“Usaha ini adalah pendekatan baharu bagi bahan buangan berkenaan yang jarang diberi

perhatian dengan kemampuan aromatiknya berpotensi dikomersialkan dengan selamat, murah dan berkesan.

“Bahan biodegradasi ini boleh digunakan sebanyak tiga kali dan jika digunakan untuk tempoh lebih satu hari, masih mengeluarkan bau,” katanya.

ONOCAT yang dibangunkan bersama-sama pelajar dan penyelidik, Nurlisa Tajul Rosli di-

keluarkan dalam bentuk ikonik ringkas, kecil serta menarik dengan berat kurang daripada 9 gram (gm) membolehkannya dibawa ke mana-mana termasuk disimpan dalam beg tangan.

Siti Mastura berkata, rekaan menarik ONOCAT juga membolehkannya digunakan sebagai aksesori dengan hanya perlu diletakkan pada kaki seluar, kasut atau beg mengikut kreativiti

serta gaya si pemakai.

“Konsep reka bentuk ONOCAT mengambil inspirasi berdasarkan bentuk jaringan tisu nasal epitelium olfaktori kucing sebagai laluan keluarannya bauan secara optimum dengan cadangan warnanya bersifat *glow in the dark* sebagai tambah nilai berdasarkan mata kucing untuk melambangkan konsep kewaspadaan,” katanya.



Produk ONOCAT mudah dibawa dan senang digunakan.